

## CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2021

Bil.	Cadangan	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
1	SAYA DARI PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA SEDANG MENJALANKAN KEMPEN TENTANG KEPENTINGAN AKTIVITI KITAR SEMULA. OLEH ITU, SAYA MEMOHON TONG KITAR SEMULA DIBEKALKAN DI KAWASAN PERUMAHAN SAYA. SAYA BERHARAP PERMOHONAN SAYA INI DI TERIMA. SEKIAN, TERIMA KASIH.	06-01-2021	HASIL SEMAKKAN BERSAMA SEKSYEN PENDIDIKAN MASYARKAT SWCorp MENDAPATI PENGADU TELAH DIHUBUNGI MELALUI EMAIL UNTUK PERBINCANGAN LANJUT BERKENAAN LOKASI STRATEGIK PERMOHONAN TONG KITAR SEMULA.	27-01-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
2	Berikutan masalah pembuangan sampah yang berterusan berhampiran dewan seremban jaya, saya ingin membuat cadangan agar disediakan tong sampah besar di beberapa tempat yang bersesuaian supaya masalah ini dapat diatasi.	12-01-2021	Hasil siasatan yang dilakukan mendapati kerja kutipan telah dilakukan oleh pihak konsesi SWM pada 21-12-20 dan pemasangan banner larangan membuang sampah telah dipasang di kawasan berkenaan.	09-02-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
3	Simpang jalan adalah kawasan kemalangan. Khasnya di masa malam. Harap menambah lampu jalan dikawasan berkena. Contohnya di simpang temiang dan jalan Tun Dr Ismail. Sekian terima kasih.	18-01-2021	lampu di kawasan tersebut mencukupi dan mengikut spesifikasi pihak majlis.	23-02-2021	Jabatan Kejuruteraan
4	Saya mencadangkan pihak tuan/ puan supaya membina bonggol di jalan utama ke Garden Avenue dan Park Avenue, kerana jumlah kenderaan telah meningkat sejak kebelakangan ini. Jalan ini digunakan sebagai jalan pintas oleh penduduk dari Bandar Seri Sendayan menuju ke Bandar Seremban. Banyak kemalangan kecil telah berlaku Di kawasan ini. Dan mungkin kemalangan Yang lebih besar akan berlaku kerana kenderaan Di Pandu laju tanpa mengira had laju kawasan perumahan. Oleh itu saya harap pihak Majlis bandaran seremban boleh mengambil tindakan sewajarnya dengan segera. Sekian terima kasih.	18-01-2021	jalan utama bagi garden avenue dan park avenue telah banyak dibuat bonggol	29-11-2021	Jabatan Kejuruteraan
5	Susur masuk ke Taman Bukit Chedang Jalan Meranti perlu di tambah bonggol jalan bagi mengelakkan kenderaan laju di sekitar laluan masuk taman untuk mengambil jalan mudah untuk ke senawang .Keadaan ini membahayakan kenderaan yang ingin masuk ke simpang taman tersebut.Diharap perkara ini dapat diberi perhatian selanjutnya.Terima kasih	25-01-2021	Segala permohonan bonggol perlu disertakan dengan surat JKK/MPKK, pelan lokasi , dan persetujuan penduduk setempat.	26-01-2021	Jabatan Kejuruteraan

## CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2021

Bil.	Cadangan	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
6	Bawah program keselamatan bandaraya, Padang lobak sudah membina satu tapak laluan Jalan kaki.... Harap jadual memotong rumput di tentukan demi imej taraf bandaraya, sekian terima kasih.	29-01-2021	Pengadu perlu membuat permohonan di SWCORP. Panggilan telefon telah dibuat pada 20.09.2021 masa 10:15a.m	13-12-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
7	I would like to suggest that traffic light waiting duration from Persiaran Utama S2/2 turning right to Persiaran S2/A4 to be shorten due to longer time taken to serve the vehicles from Persiaran S2/A4 whereby less vehicles is involve compare to Persiaran Utama S2/2.	03-02-2021	Kerja-kerja baikpulihan telah dilakukan.	17-08-2021	Jabatan Kejuruteraan
8	MAKLUM BALAS BERKENAAN SAMPAH BERSEPAH DI TONG SAMPAH YANG DISEDIAKAN.  MERUJUK KEPADA NO.ADUAN : MBSEREMBAN.005102.,  PIHAK SEKOLAH MEMOHON UNTUK MENGADAKAN RUMAH SAMPAH BAGI MENGELAKKAN PERMASALAHAN SAMPAH YANG BERSEPAH BERULANG.  SAYA MOHON PIHAK TUAN DAPAT MEMPERTIMBANGKANNYA.  SEKIAN, TERIMA KASIH.	16-02-2021	permohonan dibuat di dalam kawasan sekolah.  Di bawah tindak Kementerian Pendidikan Malaysia	16-04-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran

## CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2021

Bil.	Cadangan	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
9	Pengadu mencadangkan pihak MBS meletakkan tong sampah besar dilokasi yang dinyatakan. Ini kerana terdapat ramai individu yang tidak bertanggungjawab sering membuang pelbagai sampah merata-rata tepi jalan dilokasi tersebut. Perkara ini sangat mencacatkan pemandangan dan menimbulkan bau yang kurang selesa dikawasan itu. Perkara ini kerap terjadi. Apabila aduan dibuat, pihak pembersihan telah membersihkan, tetapi perkara yang sama tetap terjadi.	18-02-2021	Hasil siasatan yang dilakukan mendapati kutipan telah dilakukan oleh pihak konsesi SWM pada 22.02.21. Lokasi aduan merupakan kawasan hotspot sampah longgok yang dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Lokasi juga kerap dibersihkan oleh pihak Konsesi SWM Sdn Bhd serta banner larangan buang sampah turut telah dipasang. Sehubungan dengan itu, pemantauan secara berkala oleh pihak penguatkuasaan SWCorp dilakukan dari semasa ke semasa di lokasi aduan. Berkaitan cadangan pembekalan tong sampah besar di lokasi berkenaan adalah tidak bersesuaian kerana akan memburukkan lagi keadaan pembuangan sampah dilokasi tersebut. Orang awam digalakkan menjadi mata-mata serta memberi maklumat kepada pihak penguatkuasa sekiranya berlaku pembuangan sampah haram.	02-03-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
10	Mohon sediakan TONG KITAR SEMULA di setiap Lorong di kawasan perumahan kami.	05-03-2021	- Hasil siasatan yang dilakukan Notis Merah (Notis Arahan Pengasingan Sisa Dipunca) daripada Seksyen Penguatkuasaan SWCorp, pihak SWCorp telah memaklumkan kepada pengadu tentang cara-cara pengendalian pengasingan sisa kepada pengadu dan meminta pengadu tidak mencampurkan sisa dimasa akan datang	02-04-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
11	Appreciate MBS to develop this vacant land into a playing field for our community which consist of about 300 over unit houses. This field will be very useful for us since there is no proper ground for exercise in our area.	16-03-2021	Tanah yang dibahagian hadapan Pondok Pengawal Aurora Percint 4 adalah rezab tadika.	16-07-2021	Jabatan Perancangan Pembangunan

## CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2021

Bil.	Cadangan	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
12	<p>Saya mencadangkan agar pasar basah awam Nilai 3 dibersihkan setiap hari sepertimana pasar basah besar seremban. Keadaan pasar di nilai 3 ini amatlah menyedihkan, sangat kotor dengan bau yang sangat 'menyengat' hidung. Kebersihan itu kan sangat penting. Susun atur juga perlu dikemaskini dengan lebih baik untuk keselesaan pelanggan dan juga peniaga.</p> <p>Terima kasih.</p>	19-03-2021	- Semakan melalui Bahagian Kesihatan Persekitaran JPKP Cawangan Nilai telah dibuat. Maklumat yang diperolahi menyatakan, kerja-kerja pembersihan keseluruhan pasar Borong Nilai 3 dibawah pengurusan dan seliaan pihak yang dilantik untuk menguruskan hal-hal berkaitan kebersihan. Untuk itu, perkara ini telah dimaklumkan kepada Bahagian Kesihatan Persekitaran JPKP Cawangan Nilai untuk dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan untuk makluman dan tindakan selanjutnya.	01-04-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
13	<p>Saya ingin membuat aduan dan cadangan yang kat simpang empat ni sangat bahaya... Sepanjang menghantar anak saya pergi ke sekolah vokasional ampangan... Saya tgg simpang ni sangat bahaya... Kereta laju laju...</p>	24-03-2021	Hasil siasatan Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Seremban mendapati. kawasan tersebut adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya daerah Seremban. Surat pemakluman bertarikh 2 November 2021 telah dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Seremban.	02-11-2021	Jabatan Kejuruteraan
14	<p>Saya ingin mencadangkan supaya pihak Majlis mengadakan satu kaedah penguatkuasaan seperti community service bagi penghuni yang sering membuat kesalahan yang sama mahupun tidak menghormati sensitiviti kejiranan. Ini bermaksud penguatkuasaan ini dilaksanakan dengan perintah mahkamah bagi mewujudkan kesedaran dikalangan penghuni yang tidak bertanggungjawab.</p> <p>Kaedah penguatkuasaan yang dinyatakan ini dilaksanakan di beberapa negara dan dipercayai berjaya mengurangkan permasalahan dikalangan komuniti kejiranan. Disamping itu, kempen kesedaran berbentuk risalah yang disertakan bersama notis cukai kepada penghuni turut boleh diadakan bagi memberikan peringatan mahupun kesedaran dari masa ke semasa. Risalah tersebut juga perlu menyatakan susunan tindakan penguatkuasaan berdasarkan kesalahan-kesalahan/larangan am.</p>	20-04-2021	PIHAK JABATAN MENGAMBIL MAKLUM ATAS CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PIHAK TUAN. TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG DIJALANKAN ADALAH SEPERTI YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PERUNTUKKAN UNDANG-UNDANG. TERIMA KASIH.	23-04-2021	Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan

## CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2021

Bil.	Cadangan	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
15	Lampirkan photo sampah di jalan sebelah masjid rasah Kemayan RK4. Jalan ke tangki air telah dibersihkan kebelakangan ini. Dalam tempoh masa depan dekat pasti ada orang buang sampah di sini. Cadangkan memasang satu unit CCTV yang baik berkualiti di depan masjid untuk menangkap pembuang sampah. Jikalau lori masuk dengan sampah penuh dan keluar dengan lori kosong pasti buang sampah di sini. Lagi pun kenapa lorry bermuat sampah nak naik bukit tangki ini? Jalan in jalan mati. Lagi pun tempat masjid untuk bersembahyang berdekatan sampah sarap saya rasa kurang menyenangkan. Harus menangkap orang buang sampah yang tidak bertanggung jawab sivil.	26-04-2021	Aduan berkaitan sampah adalah di bawah penguatkuasaan SWCORP termasuk pemasangan CCTV / Papan Tanda berkaitan sampah. Aduan dan cadangan ini telah dipanjangkan kepada SWCORP. Sekian, Terima kasih.	13-12-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
16	Saya syorkan beberapa bumper dibina untuk mengurangkan kelajuan kenderaan serta menggalakkan sesiapa menuju ke rumah setingkat menggunakan Jalan Bukit Kelisa 4 (2). Dengan ini dapat mengelakkan kecelakaan jalan raya berikutan kawasan kejiranan ini ada anak-anak kecil.	03-05-2021	Hasil siasatan mendapati terdapat beberapa bonggol jalan yang telah dibina dikawasan taman ini. Oleh itu, tiada lagi keperluan untuk membina bonggol tambahan.	07-12-2021	Jabatan Kejuruteraan
17	Dicadangkan untuk penebangan pokok kelapa dan pemangkasan dahan pokok mambu, pokok jambu	28-05-2021	Kerja-kerja penyelenggaraan hanya dilaksanakan pada pokok-pokok milik majlis dan yang berada di dalam kawasan pentadbiran atau bidang kuasa majlis sahaja.	11-10-2021	Jabatan Taman dan Landskap
18	Cadangan supaya cukai taksiran boleh di bayar sehingga 10 bill sekali, saya membuat bayaran untuk 37 bil setiap kali, jika bi bayar melalui on line ia mengambil masa 1 jam.	13-08-2021	TELAH JAWAB KEPADA PENGADU MELALUI SISPAAPADA 16.08.2021 DENGAN MENGAMBIL MAKLUM ATAS CADANGAN DAN AKAN MEMPERBAIKI MUTU PERKHIDMATAN DARI SEMASA KE SEMASA. STK	16-08-2021	Jabatan Kewangan
19	Memohon agar pihak MBS membina taman permainan kanak2 seperti di kawasan perumahan lain. Di bandar ini, wujud taman permainan di kawasan Al Bury 1 dan 2 dan dipagar dan hanya utk residen. Akibatnya, saya terpaksa membawa anak ke taman lain berdekatan kawasan perumahan di SMK Dato Klana Putra Lenggeng. Harap dapat dipertimbangkan kerana saya merupakan pembayar cukai yang tidak pernah lupa membayar cukai tahunan dan saya yakin di Bandar Tasik Senangin, kadar cukai sangat banyak diperolehi oleh pihak Mailis.	08-10-2021	Untuk makluman, kawasan ini masih dibawah penyelenggaraan pihak pemaju. Pihak pemaju bersetuju akan membina taman permainan kanak-kanak tersebut.	25-04-2022	Jabatan Taman dan Landskap

## CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2021

Bil.	Cadangan	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
20	Pengadu mencadangkan untuk mewujudkan unit untuk membuat kerja-kerja menangani masalah tikus.	18-11-2021	Semakan melalui Bahagian Kesihatan Persekitaran Cawangan Nilai memaklumkan, pihak MBS tidak menjalankan kawalan RODENSIA (Tikus) bagi premis-premis persendirian. Pengadu perlu membuat kawalan Rodensia ini dengan melantik mana-mana syarikat kawalan yang sepatutnya.	03-12-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
21	<p>Good day</p> <p>For the past 2 years, too many accidents happened at the Jalan Rasah Jaya Utama 4, between the " t " junction of Jalan RJ 1/21 and Jalan RJ 1/19.</p> <p>Reason:</p> <p>With the installation of a speed breaker (yellow zebra lane), it might slow down the speed of the vehicle users. The speed breaker is to be placed before the " t " junction in both ways.</p> <p>Appreciate you may consider on my request and thank you in advance</p>	19-11-2021	GARISAN JALAN TRANVERSE BAR TELAH SIAP DIBUAT DILOKASI ADUAN	30-03-2022	Jabatan Kejuruteraan
22	Pengunjung tidak dapat mengakses maklumat jawatan kosong jika ada di Majlis Bandaraya Seremban kerana tiada ruangan iklan atau 'tab' khas untuk memaklumkan sama ada atau tiada peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh MBS. Sila pertimbangkan dan menambah baik cadangan ini.	24-11-2021	Terima kasih atas cadangan. Pada masa ini iklan jawatan kosong dipaparkan apabila ada kekosongan jawatan sahaja. Walau bagaimanapun, cadangan tuan akan dipertimbangkan.	25-11-2021	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

## CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2021

Bil.	Cadangan	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
23	<p>Ingin mencadangkan untuk menghadkan kenderaan berat melalui jalan susur Jalan Kuala Pilah berhadapa masjid At Taqwa Kg Baru Paroi.</p> <p>Sehubungan itu, mohon pertimbangan agar di pasang palang had ketinggian di lokasi sebelum memasuki susur masuk jalan berhadapan masjid At Taqwa bagi menghadkan assesibiliti kategori kenderaan yang boleh melalui jalan tersebut.</p> <p>Perkara ini juga boleh memperbaiki sudut keselamatan jalanraya penduduk setempat. (berbanding menambah pesat 'membina' bonggol jalan (pelbagai saiz &amp; ketinggian (!)) yang telah terlampau banyak(!) di kawasan perumahan)</p>	29-11-2021	Aduan dibawah tindakan Jabatan Kerja Raya. Surat pemakluman telah dikeluarkan pada 2 Disember 2021 untuk tindakan selanjutnya.	02-12-2021	Jabatan Kejuruteraan
24	Pengadu mencadangkan untuk meletakkan tong sampah awam di sekitar kawasan Bandar Seremban kerana tiada tong sampah yang diletakkan di sekitar Bandar Seremban menyebabkan sukar untuk orang awam membuang sampah.	23-12-2021	Untuk makluman pihak tuan,permohonan bagi perletakan tong sampah adalah dibawah tanggungjawab pihak SWM Enviroment. Pihak MBS telah memanjangkan permohonan pihak tuan ke SWM ENviroment.	27-12-2021	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
25	Pintu belakang sekolah SJK(T) Convent seremban 2, jln S2 F24,memohon pihak MBS melukis petak kuning di persimpangan T.	26-01-2021	- PETAK KUNING TELAH SIAP DICAT.	09-03-2021	Jabatan Kejuruteraan
26	Mohon tambahan road speed hump di Jalan Utama Taman Bukit Kepayang 1. Ini kerana sejak pembukaan jalan pintas ke Seremban 2, kenderaan makin banyak pada waktu puncak.	23-11-2021	Untuk makluman, jalan utama tidak sesuai untuk pembinaan hump.	23-05-2022	Jabatan Kejuruteraan